1 Rencana

Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan

Oleh: Mohamad Ishaq Hakim, Muhamad Aizuddin, Afiah Yahya, Ooi Kiesha dan Lim Boon Seong

SOROTAN PENTING

- Pertikaian perdagangan yang berlaku baru-baru ini telah mencetuskan risiko pertumbuhan global yang lebih rendah. Pelaksanaan tarif yang lebih tinggi berkemungkinan boleh menjejaskan momentum pertumbuhan kukuh yang dicatat tahun lalu.
- Berdasarkan keadaan semasa, langkah-langkah menaikkan tarif yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RR China) dijangka memberikan impak yang kecil terhadap pertumbuhan global dan serantau.
- Malaysia perlu terus mengambil pendirian yang pragmatik berhubung dengan dasar perdagangannya yang terbuka, dengan memperluas hubungan perdagangan serta memastikan dasar-dasar domestiknya terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Liberalisasi perdagangan global sejak tahun 1980-an telah membuka peluang kepada pelbagai sumber pertumbuhan kepada sebilangan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, baru-baru ini terdapat perubahan dalam pendirian yang lebih menjurus kepada dasar bersifat perlindungan, yang mungkin menjejaskan sumber pertumbuhan yang penting ini. Rencana ini menunjukkan hasil penilaian terhadap kesan potensi dasar perlindungan perdagangan baru-baru ini ke atas ekonomi global dan Malaysia.

Rajah 1: Imbangan Perdagangan dan Imbangan Akaun Semasa AS



Sumber: US Census Bureau, US Bureau of Economic Analysis

Rajah 2: Imbangan Perdagangan AS mengikut Negara (2017)



Sumber: US Census Bureau, US Bureau of Economic Analysis

Latar Belakang

AS terus mencatat defisit perdagangan yang berpanjangan dan semakin besar disebabkan ia lebih banyak mengimport berbanding mengeksport barangan daripada rakan perdagangannya (Rajah 1). Dalam kalangan rakan perdagangannya, RR China menyumbangkan hampir 50% daripada defisit perdagangan AS (Rajah 2). Hal ini sebahagiannya menjadi asas pertimbangan bagi AS untuk menggubal kadar tarif yang lebih tinggi terhadap negara-negara lain, termasuk RR China. AS mendakwa RR China telah mendapat kelebihan perdagangan yang tidak adil daripada kos input domestiknya yang lebih rendah yang membolehkannya mengurangkan harga barang dagangannya di seluruh dunia. Oleh itu, kadar tarif AS yang lebih tinggi terhadap import dari RR China dilihat sebagai faktor yang boleh mewujudkan keadaan pasaran yang lebih saksama bagi komuniti perniagaan AS.

Perkembangan dan Butiran Lanjut

Beberapa siri tindakan perdagangan telah dimulakan oleh AS pada bulan Januari 2018, apabila ia mengumumkan kenaikan tarif ke atas panel suria, dan diikuti oleh kenaikan tarif terhadap keluli dan aluminium pada bulan Mac (Jadual 1: Tahap 1). Tindakan perdagangan kemudiannya menjadi lebih khusus pada sesebuah negara pada akhir Mac dan awal April apabila AS mengeluarkan dapatan daripada laporan Seksyen 301 yang berkaitan dengan amalan harta intelek di RR China. Susulan itu, AS mencadangkan kenaikan tarif import bagi 1,333 produk dari RR China yang bernilai USD50 bilion. Sebagai langkah tindak balas, RR China pula mengumumkan cadangan tarifnya terhadap 106 produk AS yang bernilai USD50 bilion (Jadual 1: Tahap 2).

Jadual 1: Butiran Aksi Perdagangan antara AS dan RR China

Butiran Aksi Perdagangan	Amerika Syarikat (AS)	RR China
Tahap 1	**Jan 2018 - Mac 2018** **Tarif merangkumi semua negara*** • Panel solar (+30%) • Keluli (+25%) • Aluminium (+10%)	**Awal Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari AS** • Buah-buahan segar dan kering, wain, etil alkohol, dan paip keluli (+15%) • Produk khinzir dan aluminium dikitar semula (+25%)
Tahap 2	**Mac - Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari RR China** • +25% tarif import ke atas 1,333 produk bernilai USD50 bn • E.g. kelengakapan rumah, mesin, peralatan elektrikal	**Pertengahan-Apr 2018** **Tarif disasarkan terhadap produk dari AS** • +25% tarif import ke atas 106 produk bernilai USD 50 bn • E.g. kacang soya, bahagian automotif dan kapal terbang.

* Negara yang dikecualikan daripada tarif keluli dan aluminium termasuk Canada, Mexico, Korea dan kawasan Euro
Sumber: US Trade Representative Office, RR China Ministry of Commerce, Aliran berita

Produk-produk yang diumumkan sebagai barangan yang akan dikenakan tarif lebih tinggi itu merangkumi 13% daripada eksport RR China ke AS, dan 41% daripada eksport AS ke RR China. Walaupun angka-angka ini kelihatan agak besar pada asas dua hala, senarai produk yang disasarkan untuk dinaikkan tarif ini hanya merupakan bahagian yang kecil daripada jumlah eksport AS dan RR China ke seluruh dunia (masing-masing mencakupi 2.4% dan 3.4% daripada jumlah eksport AS dan RR China).

Impak Terhadap Ekonomi Global

Setakat ini, tindakan perdagangan yang dicadangkan ini dijangka hanya memberi kesan yang kecil terhadap ekonomi global dan hal ini akan berlaku terutamanya melalui saluran perdagangan dan pelaburan.

Bagi saluran perdagangan, penilaian telah dibuat dengan menggunakan beberapa kaedah. Pertama, dengan menggunakan satu ukuran keanjalan perdagangan untuk menganggarkan impak kenaikan harga (berikutan tarif lebih tinggi) masing-masing ke atas jumlah import AS dan RR China. Kedua, dengan mengira kesan limpahan tidak langsung ke atas negara serantau melalui rantaian nilai global. Bagi saluran pelaburan, impak terhadap pertumbuhan KDNK dinilai berdasarkan keuntungan pengeksport yang lebih rendah, kemerosotan kedudukan kewangan dan kesan susulan yang menjejaskan sentimen perniagaan dan aktiviti pelaburan. Ketiga, dengan mengira kesan negatif akibat penurunan aktiviti perdagangan ke atas pendapatan pekerja dan potensi kenaikan harga.

Tarif yang dicadangkan oleh AS dijangka mengurangkan pertumbuhan KDNK RR China sebanyak 0.04 mata peratusan dan 0.01 - 0.02 mata peratusan bagi pertumbuhan rantau ini (Jadual 2). Hasil penilaian ini jelas menunjukkan integrasi ekonomi EA-8 yang tinggi dalam rantaian nilai pengeluaran RR China, terutamanya bagi produk E & E, dengan bahagian kepada nilai ditambah (*share of value-added* atau VA) sebanyak ~18% (sumbangan VA) yang diperoleh dari rantau ini. Oleh itu, ekonomi serantau seperti China Taipei dan Korea, yang merupakan pembekal utama barangan pengantara kepada RR China, merupakan kelompok negara yang paling terjejas akibat kenaikan tarif dua hala.

Sebaliknya, langkah yang sama diambil oleh RR China terhadap AS dijangka mengurangkan kadar pertumbuhan KDNK AS sebanyak 0.06 mata peratusan, dan bagi rantau ini sebanyak kurang daripada 0.01 mata peratusan. Pertumbuhan KDNK serantau hanya terjejas sedikit akibat tarif RR China. Hal ini kerana negara di Amerika Utara seperti Kanada dan Mexico lebih tinggi integrasinya dalam rantaian nilai pengeluaran AS berbanding dengan negara di rantau Asia.

Hasil penilaian awal menunjukkan bahawa pelaksanaan tarif yang lebih tinggi akan lebih menjejaskan pertumbuhan ekonomi AS berbanding dengan RR China. Hal ini disebabkan sebahagiannya oleh sumber nilai ditambah domestik yang lebih tinggi bagi AS (sumbangan VA ~ 82%) berbanding dengan RR China (sumbangan VA ~ 64%). Misalnya, aktiviti perkilangan kebanyakan produk E & E pengguna seperti telefon pintar di RR China memerlukan bahagian komponen daripada banyak negara serantau (panel paparan OLED dari Korea dan cip semikonduktor dari China Taipei). Dalam hal ini, RR China telah memanfaatkan kelebihan integrasinya yang besar dengan ekonomi Asia serta sumber pertumbuhan nilai ditambah yang lebih pelbagai dari rantau ini untuk mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonominya.

Jadual 2: Impak ke atas KDNK melalui Saluran Perdagangan

Impak Mata Peratusan Tahunan (% tahunan)	Impak Tarif AS	Impak Tarif RR China
RR China	-0.04	
AS		-0.06
Asia tidak termasuk RR China	-0.01 - 0.03	
Pertumbuhan Dunia	-0.02	
Pertumbuhan Perdagangan	-0.02	

Nota: Asia ex. RR China merangkumi Hong Kong, Korea, Singapura, C. Taipei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam.
Kadar pertumbuhan Asia ex. RR China dihitung dalam US Dollar

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Kesan gabungan daripada pengumuman tarif AS dan RR China melalui perdagangan dijangka mengurangkan sedikit kadar pertumbuhan KDNK global sebanyak 0.02 mata peratusan, dan penurunan yang setara iaitu 0.02 mata peratusan bagi perdagangan global. Penyelidikan dan pengalaman lalu juga menunjukkan kesan negatif melalui pelaburan yang disebabkan oleh sentimen perniagaan yang lebih rendah boleh mengurangkan lagi KDNK global sebanyak 0.03 mata peratusan. Dengan mengambil kira kesan perdagangan dan pelaburan, KDNK global dijangka menjadi lebih rendah sehingga 0.05 mata peratusan, dengan penurunan setara sebanyak 0.06 mata peratusan bagi perdagangan global (Jadual 3).

Jadual 3: Gabungan Impak ke atas Pertumbuhan KDNK Melalui Saluran Perdagangan dan Pelaburan

Impak Mata Peratusan Tahunan (% tahunan)	Pertumbuhan Global	Perdagangan Global
Impak Melalui Saluran Perdagangan	-0.02	-0.02
Impak Melalui Saluran Pelaburan	-0.03	-0.04
Gabungan Impak	-0.05	-0.06

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Tindakan perdagangan yang dicadangkan oleh AS dan RR China sekiranya dilaksanakan akan memberikan impak terhadap prospek pertumbuhan Malaysia yang mengamalkan perdagangan dan kewangan terbuka. Kegiatan perdagangan yang lebih rendah akan menjejaskan keuntungan syarikat dan pendapatan isi rumah. Volatiliti pasaran kewangan yang meningkat juga akan melemahkan sentimen. Walau bagaimanapun, memandangkan impak tindakan perdagangan yang dicadangkan ke atas ekonomi global dijangka kecil, impaknya ke atas Malaysia turut dijangka kecil dengan penurunan sebanyak 0.05 - 0.15 mata peratusan dalam pertumbuhan KDNK. Impak ini dijangka berkurang lagi berikutan wujudnya potensi destinasi perdagangan baharu Malaysia yang meliputi negara-negara selain AS dan RR China. Walau bagaimanapun, impak yang lebih besar mungkin berlaku sekiranya tindakan perdagangan yang diambil melangkaui cadangan awal.

Ketidakpastian Mengenai Pelaksanaan dan Reaksi Pasaran Kewangan

Walaupun banyak pengumuman dibuat mengenai kenaikan tarif import oleh AS dan RR China, namun langkah-langkah yang diumumkan itu masih bersifat retorik. Ini kerana pelaksanaan tarif tersebut tertakluk pada beberapa tindakan tertentu, termasuk:

1) AS perlu mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai tarif lebih tinggi yang dicadangkan ke atas 1,333 produk dari RR China sehingga akhir bulan Mei 2018; manakala RR China pula tidak menetapkan garis masa pelaksanaan yang jelas.

2) AS menggunakan budi bicaranya. Ini seperti yang ditunjukkan oleh pengecualian tarif yang diberikan kepada tujuh buah negara bagi keluli dan aluminium.

3) Kecenderungan pemimpin politik di AS dan RR China untuk berunding sebelum meneruskan hasrat mereka melaksanakan tarif perdagangan yang lebih tinggi.

Impak keseluruhan perkembangan tersebut ke atas ekonomi Malaysia juga bergantung pada beberapa faktor, seperti liputan produk yang dikenakan tarif, dedahan Malaysia kepada segmen produk yang berkenaan serta masa pelaksanaan. Impak ke atas ekonomi benar juga boleh menjadi lebih besar dalam jangka panjang kerana ketidakpastian yang berpanjangan mengenai dasar perdagangan akan menjejaskan sentimen firma dan isi rumah. Hal ini juga boleh mengakibatkan kesan limpahan yang negatif terhadap aktiviti ekonomi industri-industri yang lain.

Selain itu, risiko terhadap prospek pertumbuhan akan meningkat sekiranya keadaan pasaran kewangan merosot, yang sekali gus akan mendorong volatiliti yang lebih ketara dalam pergerakan mata wang dan juga penurunan harga aset. Ini akan berlaku sekiranya tindakan perdagangan antara AS dengan RR China berpanjangan atau jika tindakan itu melangkaui sektor perdagangan, contohnya apabila ia melibatkan langkah-langkah berasaskan mata wang. Ketidakpastian yang berpanjangan mengenai dasar perdagangan boleh mengakibatkan aliran keluar modal dari negara-negara yang dianggap akan terjejas dengan teruk sekiranya tindakan perdagangan ini dilaksanakan. Walaupun kemungkinan tercetusnya perang perdagangan dan mata wang adalah agak kecil, ia boleh menimbulkan senario yang tidak baik kepada ekonomi global.

Dasar-dasar Penting untuk Malaysia

Bagi mencapai wawasan untuk mentransformasikan negara menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan berprestasi tinggi, Malaysia sentiasa komited kepada model pertumbuhan berlandaskan ciri yang terbuka. Ini selaras dengan usaha gigih sektor perniagaan Malaysia untuk menjadi inovatif, cekap, berdaya saing dan memperluas jangkauan operasi global mereka untuk meneroka pasaran baharu. Dalam bidang perdagangan, Malaysia telah melaksanakan usaha-usaha dasar untuk mempelbagaikan produk dan pasaran bagi mengurangkan risiko pergantungan yang berlebihan terhadap sesuatu produk dan pasaran tertentu. Langkah ini telah mengurangkan risiko volatiliti pasaran luaran terhadap pertumbuhan dan guna tenaga negara secara keseluruhan. Walaupun Malaysia telah melaksanakan liberalisasi perdagangan melalui penyertaannya secara aktif dalam rundingan perdagangan dua hala, serantau dan global, peristiwa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan betapa perlunya suatu tindakan dasar yang pantas dan tegas diambil sebagai tindak balas terhadap langkah-langkah perlindungan perdagangan yang semakin meningkat. Malaysia komited dengan dasar perdagangannya yang sedia ada, sekali gus boleh meraih manfaat dengan memperluas dan memperdalam hubungan perdagangannya.

Gangguan perdagangan memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi yang terlibat secara langsung bahkan terhadap ekonomi yang berada dalam rantaian bekalan. Rantaian nilai global yang merangkumi aktiviti pengeluaran barangan daripada peringkat penyumberan bahan sehinggalah peringkat pengilangan akhir yang dilakukan di negara yang berbeza, kini telah menjadi lebih bersepadu berbanding dahulu. Di Malaysia, rantaian ini termasuk pengeluaran bahagian dan komponen untuk jenama antarabangsa seperti *Apple*, *Samsung*, *Intel*, *BMW* dan *Airbus*.

Walaupun pengeluaran banyak barang dagangan nyata bertambah baik dari segi skala dan kadar pengeluarannya, rantaian nilai global juga meningkatkan risiko kenaikan perlindungan perdagangan bagi ekonomi yang terlibat dalam ekosistem pengeluaran global. Dalam keadaan perdagangan global yang tidak menentu pada masa ini, adalah penting bagi Malaysia untuk mengambil perspektif yang lebih luas dengan memanfaatkan proses globalisasi bagi menyokong matlamat pembangunan ekonomi jangka panjang. Proses automasi yang meluas telah mengubah dinamik pengeluaran dan penyampaian perkhidmatan. Model pertumbuhan berkos rendah yang bergantung pada pekerja asing boleh menjadi tidak mampan atau tidak mampu untuk meningkatkan daya saing dalam landskap ekonomi global semasa. Kemajuan teknologi, automasi dan inovasi yang selanjutnya perlu dilaksanakan dengan lebih gigih supaya Malaysia dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran dan bergerak ke rantaian nilai yang lebih tinggi. Terdapat ruang bagi Malaysia untuk meningkatkan daya tahan ekonominya melalui kepelbagaian yang lebih besar dalam rangkaian dan kecanggihan produk. Antara produk ini termasuk produk sektor elektronik dan komoditi, dan produk industri kimia dan plastik yang semakin mendapat perhatian. Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dan keupayaan produktif yang besar dalam industri-industri ini (rujuk Rencana 'Kecanggihan dan Pertumbuhan: Kedudukan Malaysia dan Implikasi Dasar' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017).

Pembaharuan yang segera juga perlu bagi memastikan permintaan dalam negeri di Malaysia kekal berdaya tahan. Ini termasuk melaksanakan dasar-dasar untuk meningkatkan produktiviti pekerja melalui inisiatif yang mempertingkat kemahiran serta latihan semula agar mereka terus relevan dalam dunia yang semakin kompetitif dan bersifat global. Usaha perlu ditumpukan ke arah menggembleng

sumber yang lebih berharga dari segi nilai ditambah pada masa depan, dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Dasar Malaysia dalam hal ini menekankan pembangunan modal insan bertaraf dunia melalui pendidikan yang komprehensif, komunikasi yang berkesan dan daya saing yang tinggi. Langkah mempelbagaikan sumber pertumbuhan adalah penting untuk memastikan pertumbuhan terus mampan pada masa akan datang.

Rumusan

Pertikaian perdagangan yang boleh mengganggu aktiviti perdagangan global berisiko untuk menjadikan kadar pertumbuhan lebih rendah. Pada masa ini, risiko terhadap prospek pertumbuhan global dan ekonomi Malaysia masih lagi rendah. Walau bagaimanapun, kesannya akan menjadi lebih buruk jika ketidakpastian mengenai dasar perdagangan berpanjangan dan keadaan kewangan global menjadi lebih teruk. Tindakan perdagangan ini bukan sahaja akan menjejaskan negara-negara yang terlibat secara langsung bahkan kesannya akan menular ke seluruh dunia melalui rantaian bekalan global, aktiviti pelaburan dan saluran kewangan. Pertikaian perdagangan perlu diselesaikan melalui dialog dan rundingan. Dasar penting yang perlu digubal oleh ekonomi utama dan ekonomi sedang pesat membangun hari ini adalah untuk memperkukuh semula matlamat bersama demi mencapai kemakmuran ekonomi melalui perdagangan yang terbuka lagi adil.